

Mahasiswa UMP cipta inovasi meluncur dalam TRIUMP



Pekan, 23 April – Pertandingan TRIUMP menjadi platform pelajar mencipta dan menghasilkan sebuah peluncur "Glider Challenge" dan melepaskannya pada ketinggian yang ditetapkan untuk meluncur di udara.

Lebih menarik pada tahun ini terdapat kelainan dengan penambahan satu lagi kategori baharu iaitu "Autonomous Boat Challenge" iaitu pertandingan mencipta bot mini tanpa pemandu yang boleh diprogramkan pelan laluan serta ditetapkan destinasi terakhir.

TRIUMP dianjurkan pihak Mechanical Engineering Professional Student Club (MECHAPRO) dengan kerjasama Perwakilan Kolej Kediaman (PEKA5)

Bagi Ketua Program, Yeong Chee Leon dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM), pertandingan bertujuan bagi mengaplikasikan pengetahuan kejuruteraan dan inovasi untuk mencipta serta memupuk minat kejuruteraan kepada pelajar sekolah dan mahasiswa UMP serta mempromosikan UMP Pekan sendiri.



"Glider Challenge mencungkil bakat mahasiswa UMP dan institusi lain untuk mencipta dan menghasilkan peluncur yang aerodinamik. Selain itu untuk memupuk semangat sepasukan dan kerjasama antara ahli pasukan serta memupuk minat mahasiswa dan pelajar sekolah dalam bidang penerbangan," katanya.

Manakala bagi Autonomous Boat Challenge pula mencungkil bakat mahasiswa dan institusi lain serta pelajar sekolah untuk mencipta dan menghasilkan kapal yang aerodinamik dan dapat dikawal pada jarak yang jauh. Di samping itu, mendedahkan pelajar kepada penghasilan alat kawalan jauh.



Glider Challenge terdiri daripada tiga kategori iaitu Furthers Challenge, Flight Endurance dan Best Presentation & Design manakala Boat Challenge terbahagi kepada tiga kategori juga iaitu Time Attack, Best Design dan Best Presentation.

Pertandingan menyaksikan johan keseluruhan sekolah bagi kategori Glider Challenge sekolah dimenangi Sekolah Sains Sultan Haji Ahmad Shah (SHAH) Pekan dengan catatan masa 27.59 m, 2.58 s bagi dan bagi kategori IPT dimenangi Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dengan catatan masa 43.33m, 3.925s.

Peserta yang bertanding dari SHAH Pekan, Muhammad Ammar Hafiz Rozali, 17 tidak menyangka penyertaan kali ini berjaya memperolehi tempat keseluruhan kerana persediaan yang dilakukan di saat genting. Namun, hasil kesungguhan dan bimbingan dari guru berjaya membuahkan hasil.



Penyertaan TRIUMP kali ini amat mengalakkan dengan penyertaan daripada pihak luar termasuk Universiti Teknologi Malaysia (UTM), UniKL MIAT, Sekolah Sains Sultan Haji Ahmad Shah Pekan, SMK Dato' Mahmud Mat, MRSM Tun Abdul Razak serta SMK Tengku Abdullah.

Disediakan oleh Nor Fadzillah Zulkipli dan suntingan Bahagian Komunikasi Korporat PNC

Posted By : NORHIDAYAH BINTI MOHAMAD Date Posted : 09-05-2016, 10:30:01